

Simpan Lebih Banyak dengan ASM!



1. Apakah had pelaburan terkini bagi ASM?

Pelabur boleh melabur sehingga RM300,000 bermula 1 Ogos sehingga 31 Oktober 2023.

2. Mengapa masih ada lagi had pelaburan selepas 31 Julai, dan bukannya pelaburan tanpa had?

Had pelaburan dikenakan untuk memberi peluang kepada mereka yang masih belum membuka akaun, sekaligus memberi manfaat kepada mereka yang ingin menyimpan lebih banyak dalam ASM.

3. Apakah terma dan syarat untuk melabur dalam ASM?

Dari 1 Ogos sehingga 31 Oktober 2023, setiap pelabur ASM dikenakan syarat-syarat berikut:

- Had individu ditetapkan pada RM300,000.
- Had ini termasuk semua pelaburan yang telah dibuat sejak 1 Mei 2023.
- Pengeluaran tidak akan mengubah had pelaburan yang ditetapkan.
- Transaksi penukaran atau pemindahan tidak dibenarkan.
- ASNB berhak untuk menukar/menamatkan had lebih awal jika perlu.

4. Bagaimana untuk membuat pelaburan dalam ASM?

Anda boleh melabur melalui platform digital myASNB, perbankan internet, atau di kaunter ASNB dan ejen di seluruh negara.

5. Adakah pelaburan menerusi pakej FPSP tertakluk kepada had pelaburan tambahan?

Tidak. Pelabur boleh membuat pelaburan tambahan melalui pakej FPSP tanpa menjejaskan had pelaburan tambahan tersebut.

6. Apakah had pelaburan tambahan selepas 31 Oktober 2023?

Tiada had, namun transaksi pelaburan yang berjaya adalah tertakluk kepada baki unit ASM yang masih ada.

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022 dan Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.